

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**

**TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bentuk insentif dan pengecualian cukai yang ditawarkan untuk menarik pelaburan domestik dan antarabangsa, terutamanya dalam kalangan industri yang mempunyai nilai, teknologi dan impak yang tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa memberikan keutamaan kepada pelaburan domestik dan pelaburan asing yang mempunyai nilai, teknologi dan impak yang tinggi terhadap pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

2. Seajar dengan keutamaan ini, Kerajaan secara berterusan mengkaji keperluan supaya Malaysia terus menjadi destinasi pilihan utama bagi projek-projek pelaburan domestik dan asing yang berkualiti tinggi, terutamanya di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

3. Projek-projek pelaburan yang terpilih ini akan diteliti dan akan diberikan pakej insentif pengecualian cukai yang kompetitif dan bersesuaian. Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan pada 5 Jun 2020, antara lain, menawarkan pakej pengecualian cukai istimewa kepada syarikat asing yang memindah (*relocate*) operasinya ke Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai pusat rangkaian bekalan antarabangsa iaitu:

- pengecualian cukai selama 10 tahun untuk pelaburan baharu dalam sektor pembuatan dengan pelaburan modal antara RM300 - RM500 juta; dan
- pengecualian cukai selama 15 tahun untuk pelaburan baharu dalam sektor pembuatan dengan pelaburan modal melebihi RM500 juta.

4. Selain ini, insentif-insentif PENJANA yang lain dijangka dapat meningkatkan pelaburan baharu dan menarik pelaburan tambahan dalam era pasca COVID-19 seperti berikut:

## NO. SOALAN : 41

- (i) 100% Elaun Cukai Pelaburan (*Investment Tax Allowance*) selama 5 tahun untuk pelaburan modal melebihi RM300 juta bagi syarikat sedia ada yang bercadang untuk memindahkan operasinya di luar negara ke Malaysia;
- (ii) *Reinvestment Allowance* (RA) tambahan sebanyak 60% untuk syarikat sedia ada yang terlibat dalam aktiviti pembuatan dan pertanian terpilih serta menjalankan pelaburan semula bagi tujuan pengembangan, automasi, modenisasi dan kepelbagaian dalam tahun penilaian 2020 hingga 2022, di mana RA dan Insentif RA Khas telah tamat tempohnya;
- (iii) Penambahbaikan dalam Dana Pelaburan Strategik Tempatan (DISF) bagi tempoh 1 Jun sehingga 31 Disember 2020, termasuk:
- pengurangan ekuiti efektif daripada sekurang-kurangnya 60% dimiliki oleh rakyat Malaysia kepada sekurang-kurangnya 51% dimiliki oleh rakyat Malaysia;
  - nisbah pembayaran semula geran latihan akan ditingkatkan kepada 70% ditanggung oleh Kerajaan, manakala 30% ditanggung oleh syarikat; dan
  - nisbah pembayaran semula geran modal dengan elemen Industri 4.0 ditingkatkan kepada 70% ditanggung oleh Kerajaan, manakala 30% ditanggung oleh syarikat;
- (iv) Kelulusan Lesen Pengilangan (Manufacturing License - ML) secara *fast track*, dengan izin, melalui platform digital e-ML untuk industri yang tidak sensitif dalam tempoh dua (2) hari bekerja; dan
- (v) Penubuhan *Project Acceleration and Coordination Unit* (PACU) di MIDA untuk mempercepat kelulusan dari pelbagai agensi dan pelaksanaan projek pelaburan di Malaysia dalam pelbagai peringkat.

5. Seiring dengan komitmen Kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan bernilai dan berteknologi tinggi, MITI melalui MIDA juga telah diperkasakan dengan peruntukan tambahan bagi menjalankan aktiviti penggalakan pelaburan yang lebih efektif melalui insentif-insentif berikut:

- (i) Galakan Taraf Perintis (TP) atau *Pioneer Status (PS)* dengan izin, iaitu pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% hingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi tempoh 5 hingga 10 tahun; atau
- (ii) Elaun Cukai Pelaburan (ECP) atau *Investment Tax Allowance (ITA)* iaitu elaun sebanyak 60 hingga 100 peratus daripada jumlah pelaburan modal yang layak yang dibuat oleh syarikat dalam tempoh 5 hingga 10 tahun;
- (iii) Insentif Elaun Modal Automasi atau *Automation Capital Allowance Incentive* dengan izin, sebanyak 200% ke atas RM4 juta (industri perkilangan yang berintensifkan buruh) dan RM2 juta (industri-industri perkilangan lain) perbelanjaan pertama dalam menggalakkan penggunaan automasi dalam sektor perkilangan;
- (iv) Insentif bagi Kawasan Kurang Membangun atau *Less Developed Area Incentives* dengan izin, bagi menggalakkan pertumbuhan wilayah yang seimbang dan inklusif terutama di kawasan-kawasan kurang maju;
- (v) Elaun Pelaburan Semula atau *Reinvestment Allowance (RA)* dengan izin, iaitu insentif yang telah diperkenalkan pada tahun 1980 untuk menggalakkan aktiviti pengeluaran secara automasi bagi syarikat perkilangan termasuk syarikat-syarikat di bawah Industri Kecil dan Sederhana (IKS). RA ini diberikan pada kadar 60% ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan oleh syarikat dan ia boleh ditolak sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun bagi tahun taksiran berkenaan. RA ini diberikan untuk tempoh 15 tahun berturut-turut dari tahun pertama pelaburan semula dilakukan;

- (vi) Pengecualian duti import ke atas mesin dan peralatan yang digunakan secara langsung di dalam proses pengeluaran syarikat dan tidak dikeluarkan di dalam negara; dan
- (vii) Skim Galakan Istimewa atau *Prepackaged Incentive*, dengan izin, terutamanya untuk projek-projek yang disasarkan yang berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi dan berdasarkan pengetahuan dan nilai rantai yang meluas. Pelabur juga diberikan galakan berdasarkan kepada jenis industri seperti industri yang strategik, bidang-bidang baharu dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber tenaga alternative; *advanced electronics*; bioteknologi; fotonik; peralatan perubatan; teknologi maklumat dan komunikasi (ICT); aeroangkasa dan petrokimia.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Secara kesimpulannya, Kerajaan sentiasa berusaha memastikan setiap insentif adalah bersasar, berasaskan masa dan relevan seiring dengan kemajuan teknologi dan inovasi bagi memastikan penggunaan sumber yang optimum di Malaysia. Dalam usaha berterusan Kerajaan untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi, aspek ekosistem yang menyeluruh dalam strategi penggalakan pelaburan, pemudahcara dan fasilitasi pelaburan juga akan diperkemas dan diperkukuhkan di semua peringkat bagi memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.